

BERITA HARIAN

Anwar PM jika pakatan memerintah

KUALA LUMPUR: Naib Presided Parti Keadilan Rakyat (PKR), Sivarasa Rasiah, memberitahu Barisan Alternatif yang menggabungkan pakatan antara PKR, Pas dan DAP akan mengangkat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri sekiranya memenangi Pilihan Raya Umum Ke-12.

Sivarasa, seorang peguam dan aktivis masyarakat juga berkata, Pas dan DAP sudah maklum dengan kedudukan Anwar untuk menduduki jawatan berkenaan selepas tempoh untuk bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak layak bertanding tamat pada April ini.

"Sekiranya barisan alternatif menang pada pilihan raya umum, kita akan mengangkat beliau (Anwar) sebagai Perdana Menteri selepas mengambil kira kebolehan dan gaya kepemimpinannya sewaktu menyandang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dulu.

"Kita melihat Anwar sebagai seorang yang berkaliber serta berpandangan jauh dan ciri itulah yang akan membantu beliau melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin," katanya ketika ditemui *Berita Harian*, di sini, semalam.

Ditanya sama ada terdapat tentangan untuk meletakkan Anwar sebagai Perdana Menteri daripada Pas mahupun DAP, Sivarasa berkata, pakatan tiga parti pembangkang itu tidak mempunyai sebarang halangan.

Sivarasa yang juga calon bagi kerusi Parlimen Subang berkata, pemilihan Anwar sebagai Perdana Menteri bukan dibuat sebelah pihak tetapi hasil permuafakatan bersama.

Malah, beliau yakin, rakyat boleh menerima Anwar sebagai pemimpin sama seperti sokongan yang diterima ketika Penasihat PKR itu menjadi Timbalan Perdana Menteri sebelum pemecatannya pada 1998 lalu daripada kerajaan.